

Prosedur Kerja Selamat (PKS)

Aktiviti / Tugas : PENGENDALIAN HAIWAN MAKMAL (TIKUS DAN MENCIT)	
No. Bilik/Makmal/Bengkel: Semua Makmal di PPSK	Jabatan/PTJ: Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Alat Lindung Diri (ALD) / peralatan / lain-lain pertimbangan keselamatan yang diperlukan : 1. <i>Nitrile Rubber Gloves</i> 2. Kasut bertutup 3. Kot makmal 4. Penutup muka	
Hazard: 1. Hazard Fizikal a) (Gigitan dan Cakaran yang boleh menyebabkan kecederaan tisu, pendarahan, dan jangkitan kuman. b) Tusukan Jarum: Risiko tercucuk jarum picagari semasa menyuntik haiwan atau mengambil sampel darah. 2. Hazard Biologi (Zoonosis) a) Penyakit Zoonotik yang berjangkit daripada haiwan kepada manusia (contoh: Salmonellosis daripada tikus, Lymphocytic Choriomeningitis (LCMV) daripada mencit, atau Pasteurellosis daripada arnab). Kuman Oportunistik: Bakteria daripada air liur, air kencing, atau najis haiwan yang boleh menjangkiti luka terbuka manusia. 3. Hazard Kimia dan Ubatan a) Pendedahan kepada agen anestesia seperti terhidu gas bius (contoh; Isoflurane) semasa ujikaji dijalankan jika sistem pengalihan udara (scavenging system) tidak berfungsi dengan baik. b) Terdedah kepada bahan kimia semasa ujikaji seperti ubat-ubatan, karsinogen, atau toksin yang disuntik ke dalam tubuh haiwan melalui sentuhan atau perkumuhan haiwan. 4. Hazard Alahan (Alergen)LAA (Laboratory Animal Allergy) a) Alahan terhadap protein dalam rambut, habuk bulu, air kencing, dan air liur haiwan. b) Alahan boleh menyebabkann bersin, mata berair, gatal-gatal kulit, asma, dan dalam kes serius, anafilaksis.	
Latihan Yang Diperlukan: 1. Latihan Asas Pengendalian Haiwan Makmal 2. Kursus Etika dan Kebajikan Haiwan Makmal	
Langkah untuk menjalankan tugas dengan selamat:	
1	Sebelum :- 1.1 Memastikan pengendali diberikan penerangan dan latihan asas pengendalian haiwan makmal terlebih dahulu 1.2 Memastikan pengendali memakai PPE dengan lengkap 1.3 Memastikan semua kelengkapan untuk prosedur yang akan dilaksanakan tersedia. 1.4 Memastikan pengendali tidak mempunyai sebarang alahan dengan haiwan. 1.5 Memastikan semua prosedur yang akan dilaksanakan difahami dan telah dilatih. 1.6 Memastikan pengendali mengetahui keadaan haiwan sama ada telah ditakar dengan pathogen atau normal sebelum sebarang prosedur dibuat dan faham risiko yang boleh berlaku.

2	Semasa :- 2.1 Pengendali diberi masa 15-30 minit untuk membiasakan diri dengan haiwan makmal (tikus, atau mencit). 2.2 Dilarang membuat pergerakan mengejut dan bertindak kasar 2.3 Memastikan haiwan makmal dikendalikan dengan tenang dan yakin 2.4 Peralatan perlindungan yang sesuai seperti sarung tangan khas, tuala, gauze atau <i>restrainer</i> boleh digunakan jika haiwan makmal tersebut sukar dikawal dan berisiko untuk mencederakan pengendali, 2.5 Pastikan meja kerja atau meja makmal bersih dan selamat dari sebarang halangan.
3	Selepas :- 3.1 Pengendali haruslah mencuci tangan menggunakan sabun dan air dengan teliti sejurus selepas mengendalikan haiwan. 3.2 Memastikan meja kerja dibersihkan dari sisa najis dan air kencing tikus atau mencit 3.3 Memastikan sisa klinikal, sarung tangan, dan bahan pakai buang ke dalam beg biobahaya (beg kuning) yang ditetapkan. 3.4 Memastikan jarum dan bahan tajam lain dibuang ke dalam <i>sharp bin</i> 3.5 Jika berlaku kecemasan seperti gigitan atau cakaran, cuci luka serta-merta dengan air dan sabun sekurang-kurangnya 15 minit. Maklumkan kepada staf yang bertugas dan dapatkan rawatan perubatan di Jabatan Kecemasan HPUSM dengan kadar segera. 3.6 Memastikan semua insiden / kejadian merbahaya dilaporkan dalam masa 24 jam kepada Penyelaras KKP (OSH C) Pn Siti Mahirah (samb.No: 7801).

Pengesahan

Disediakan oleh:



Pn. Siti Mahirah Yusuf
Pegawai Sains
Program Sains Bioperubatan

Tarikh: 21 Julai 2026

Disemak oleh:



Pn. Hafizah Harun
Ketua Pegawai Sains
Program Sains Forensik

Tarikh: 21 Julai 2026

Diluluskan oleh:



En Md Lukmi Ismail
Pengerusi
Jawatankuasa Pengurusan Makmal Sains

Tarikh: 21 Julai 2026